

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 454/3-1 Klt.17 (24)
Tarikh : 9 Rejab 1441H
5 Mac 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENURUNAN KUASA PELANTIKAN PERKHIDMATAN PERUNDING KEPADA
PEGAWAI PENGAWAL DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan Surat Edaran Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus P.Kw.N./N.S.(349) 454/3-1 Klt.17 (17) bertarikh 11 Jun 2019 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YB Dato' Dr./YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, selaras dengan pendekatan *Let Managers Manage* yang memperuntukkan bidang kuasa tertentu kepada Pegawai Pengawal di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan, saya selaku Pegawai Kewangan Negeri dengan ini bersetuju untuk melanjutkan tempoh **penurunan kuasa** kepada semua Pegawai Pengawal bagi **Pelantikan Perkhidmatan Perunding** dengan had nilai sehingga **RM200,000.00** sahaja. Pelantikan Perkhidmatan Perunding yang melebihi had tersebut perlu diluluskan dalam Lembaga Perolehan Negeri. Penurunan kuasa ni berkuat kuasa mulai 1 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.

3. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)